ENFOL : PKB 2 (A) - Pin. 2/2012 PERCUMA

# KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

## PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT UNTUK MEMBELI BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL (PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN 1974)

**BAHAGIAN I : BUTIR-BUTIR PERMIT**

1 NO PERMIT:

2 TARIKH TAMAT TEMPOH PERMIT :

3 TARIKH PEMBAHARUAN DIPOHON SEHINGGA :

**BAHAGIAN II : BUTIR-BUTIR PEMOHON / SYARIKAT**

1 NAMA PEMOHON/ SYARIKAT/ PERNIAGAAN :

2 NO. PENDAFTARAN/ KAD PENGENALAN :

3 ALAMAT PREMIS PERNIAGAAN :

POSKOD :

BANDAR :

NEGERI :

4 NO TELEFON :

5 NO TELEFON BIMBIT :

6 NO FAKS :

**BAHAGIAN III : PERAKUAN PEMOHON**

Dengan ini saya mengaku dan mengesahkan bahawa semua maklumat, butir-butir yang dicatatkan dalam borang ini dan lampiran salinan dokumen yang disertakan adalah benar.

Tarikh : ________________

________________________

Tandatangan pemohon dan cop syarikat/perniagaan

Nama : ________________________

No. KP : ________________________

Jawatan : ________________________

**BAHAGIAN IV : UNTUK KEGUNAAN RASMI PEJABAT**

<table>
<tr>
<td>

1 PANDANGAN :

Permohonan Lengkap / Tidak Lengkap*

Disyorkan Permit dikeluarkan/tidak dikeluarkan*

Kuantiti pembelian yang dibenarkan :

☐ liter / sehari<br>
☐ liter / seminggu<br>
☐ liter / sebulan<br>
☐ liter / sekali pembelian (*one off*)

______________________________

Tandatangan Pegawai Bekalan

Nama : ______________________________

Tarikh : ______________________________

* Potong yang tidak berkenaan

</td>
<td>

2 KEPUTUSAN

☐ Permohonan diluluskan

☐ Permohonan ditolak

Catatan/Kuantiti yang diluluskan :

______________________________<br>
______________________________<br>
______________________________

______________________________

Tandatangan Pegawai Pelulus

Nama : ______________________________

Tarikh : ______________________________

</td>
</tr>
</table>

**Sila kemukakan :**

i. Salinan Permit Barang Kawalan Berjadual (Permit asal perlu diserahkan semasa pengambilan permit yang baharu)
ii. Salinan Surat Kelulusan Bomba yang masih berkuatkuasa bagi bahan petroleum (jika berkaitan)
iii. Salinan Kontrak Kerja jika melibatkan projek

* Borang yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen seperti dinyatakan di atas hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri/ Daerah yang mengeluarkan permit sebelum ini.

**PANDUAN PERMOHONAN PERMIT UNTUK MEMBELI BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN 1974**

1. Permit Barang Kawalan Berjadual adalah kebenaran untuk membeli barang kawalan berjadual daripada pemborong bagi kegunaan sendiri sahaja Ianya bukan kebenaran untuk berniaga.

2. Permit Barang Kawalan Berjadual adalah tidak boleh dipindah milik.

3. Permohonan untuk Permit Barang Kawalan Berjadual boleh dimohon melalui sistem atas talian *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS 2.0) di laman web https://bless2.bless.gov.my/bless2/login. Sekiranya sistem tidak berjaya untuk diakses dalam tempoh 48 jam dari notis makluman yang dikeluarkan oleh sistem atau atas keperluan mendesak, pemohon boleh menggunakan borang permohonan PKB 2 – Pin.2/2012 yang boleh diperolehi secara percuma daripada mana-mana pejabat Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (PDNHEP) atau secara muat turun daripada laman web Kementerian www.kpdnkk.gov.my.

4. Barang Kawalan Berjadual yang memerlukan Permit adalah Gula, Minyak Masak, Tepung Gandum, Diesel, Gas Petroleum Cecair dan Petrol.

5. Salinan dokumen-dokumen yang diperlukan :

   I. **<u>Permohonan Baharu</u>**

   a. Salinan pendaftaran perniagaan/syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran Koperasi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ pendaftaran dari agensi berkaitan;
   b. Surat sokongan daripada pembekal;
   c. Salinan Lesen Borong Pembekal (CSA) yang masih sah ;
   d. Surat Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi permohonan Permit Barang Kawalan Berjadual Petroleum sahaja; dan
   e. Kontrak Kerja (jika berkaitan).

   II. **<u>Permohonan Pembaharuan</u>**

   a. Salinan Permit Asal;
   b. Surat sokongan daripada pembekal (sekiranya pembekal terdahulu telah tamat tempoh); dan
   c. Salinan Lesen Borong Pembekal (CSA) yang masih sah.

6. Borang permohonan hendaklah lengkap diisi dan dikepilkan bersama kesemua dokumen sokongan sebelum mengemukakan permohonan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak akan memproses permohonan sekiranya borang atau dokumen tidak lengkap.

7. Sila pastikan segala maklumat dan dokumen yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah betul dan benar. KPDNHEP berhak untuk tidak meluluskan permohonan jika didapati maklumat atau dokumen yang diberikan adalah palsu. Pihak KPDNHEP juga berhak untuk membatalkan permit tersebut sekiranya telah diluluskan.

8. Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan ke pejabat Bahagian Penguatkuasa Negeri atau pejabat KPDNHEP Daerah berhampiran dengan tapak projek atau operasi dijalankan.

9. Pengusaha hotel adalah dikecualikan daripada memohon permit untuk membeli gula dan tepung gandum.

10. Pemegang Permit Barang Kawalan Berjadual hanya dibenarkan untuk membeli barang kawalan berjadual melalui pembekal atau pemborong berlesen yang sah sahaja.

11. Tempat simpanan barang kawalan berjadual hendaklah sesuai dari segi kebersihan alam sekitar dan juga keselamatan dan tertakluk dengan agensi yang berkaitan.

**BAHAGIAN PENGUATKUASA**
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI**
**DAN HAL EHWAL PENGGUNA**